

19/06/1998

Keluarga, kawan layak wajar diberi peluang

PENOLONG Bendahari Pergerakan Pemuda Umno, Mokhzani Mahathir, berkata pertalian kekeluargaan atau kawan patut menjadi kriteria akhir dalam pemberian peluang perniagaan.

Bagaimanapun, anak Perdana Menteri itu berkata seseorang yang layak tidak harus dinafikan peluang itu semata-mata kerana mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mereka yang berkuasa melulus projek.

"Pertalian kekeluargaan tidak boleh diputuskan. Jika seseorang itu berkebolehan dan mampu melaksanakan tugasnya dengan sempurna, peluangnya tidak patut dinafikan," katanya ketika ditemui selepas perasmian Perhimpunan Pemuda dan Wanita Umno di sini semalam.

Mokhzani ditanya pandangannya mengenai amalan atau perbuatan mementing dan melebihkan sanak saudara, suku sakat dan handai taulan melampaui batas kaum dan agama dalam pemberian kontrak perniagaan, seperti dibangkitkan Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamid.

Beliau yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno bahagian Merbok berkata, teguran Zahid itu baik untuk memperbetulkan keadaan.

(END)